

27/07/2005

Mahathir-AP

DR MAHATHIR ENGGAN MENGULAS LAGI MENGENAI AP

SHAH ALAM, 28 Julai (Bernama) -- Setelah membuat kenyataan panjang lebar mengenai isu permit import (AP) semalam, Tun Dr Mahathir Mohamad enggan menyentuh isu yang sama hari ini.

Bekas Perdana Menteri yang dirapati pemberita selepas menghadiri majlis Bintang Kecil Bersama Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali di perkarangan ibu pejabat syarikat media Karangkraf di sini, pada mulanya kelihatan tidak keberatan untuk ditemubual pihak media.

Bagaimanapun apabila seorang pemberita mendedahkan bentuk soalnya berkaitan AP ketika beliau menuju ke arah keretanya untuk pulang, Dr Mahathir berkata : "Tidak mahulah."

Dr Mahathir dan isterinya sebelum itu menghabiskan masa bersama 50 kanak-kanak yang menjadi jemputan majalah Bintang Kecil terbitan Karangkraf sempena ulang tahun kedua majalah itu.

Mereka berdua ditanya pelbagai soalan antaranya mengenai harijadi, cita-cita, fesyen, binatang yang paling "geli" dan juga perbezaan anak-anak kini dan dahulu.

Mengenai harijadinya, Dr Mahathir berkata beliau perlu menghadiri banyak undangan untuk sambutan harijadinya ke-80 dan apabila banyak majlis seperti itu, beliau diperingatkan tentang dirinya yang semakin tua.

Dr Mahathir berkata pada kebiasaan beliau menyambut harijadinya di luar negara agar "tidak banyak heboh-heboh" dengan ditemani oleh Dr Siti Hasmah serta beberapa pengawal keselamatannya.

Katanya ular merupakan binatang yang paling beliau "geli" daripada kanak-kanak sehingga sekarang.

Dr Siti Hasmah pula berkata beliau menanamkan cita-cita untuk menjadi seorang wartawan sewaktu kecilnya kerana minat menulis dan membaca bagaimanapun "memadamkan" hasrat itu ketika Perang Jepun kerana tiada bahan bacaan untuk dibaca.

Katanya beliau menukar minat untuk menjadi doktor perubatan pada ketika itu apabila ibunya sakit dan memandangkan pengetahuan perubatan yang kurang, penyakitnya tidak diketahui.

Ditanya perbezaan kanak-kanak perempuan dahulu dan sekarang, Dr Siti Hasmah berkata sememangnya terdapat banyak perbezaan seperti dalam fesyen pakaian, pakaian kanak-kanak dahulu "tidak tahu berhias, tidak pandai memilih" dan memakai pakaian apa sahaja yang dipilih orang tua sebaliknya kanak-kanak sekarang terdedah dengan majalah, televisyen dan kawan-kawan untuk mempengaruhi fesyen pakaian.

--BERNAMA

LES BK